

Dr. M lancar Air Terjun Langkawi

LANGKAWI 7 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan air terjun buatan yang tertinggi di Malaysia - Air Terjun Langkawi, yang menjadi satu lagi tarikan baru kepada pelancong di pulau legenda ini.

Air terjun yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir itu telah direka bentuk dan dibina oleh Gerbang Perdana Sdn. Bhd. sebagai hadiah daripada syarikat itu kepada penduduk pulau ini dan melambangkan kecintaan bekas Perdana Menteri itu terhadap rakyat dan negara ini.

Ia setinggi 66.92 meter dibina dengan kos RM3 juta agak unik kerana mempunyai terowong jalan raya sepanjang 50 meter di bawahnya.

Air terjun itu juga menawarkan pemandangan Laut Andaman yang indah dan ia adalah satu-satunya air terjun di negara ini yang mengalir di atas terowong jalan raya.

Pada sidang akhbar selepas majlis perasmian air terjun itu, Dr. Mahathir berkata, air terjun tersebut bakal menjadi tarikan baru pengunjung ke pulau berkenaan.

Buat permulaan, katanya, air terjun itu akan beroperasi pada waktu siang dan pengunjung tidak akan dikenakan sebarang bayaran untuk menikmati keindahan di sekeliling kawasan tersebut.